

Jawab Semua Soalan


1. Yang manakah pernyataan yang tidak tepat mengenai mengapa perlunya strategi dalam penyelesaian masalah.
 - A. Mewujudkan komunikasi sehalu
 - B. Meningkatkan kemahiran berfikir
 - C. Menggalakkan pembelajaran sendiri
 - D. Membantu pengembangan sesuatu konsep
2. Yang manakah pernyataan yang tidak tepat untuk menerangkan konsep penyelesaian masalah.
 - A. Proses mendalami butiran sesuatu masalah untuk mendapatkan satu penyelesaian.
 - B. Proses mengkaji butiran sesuatu masalah untuk mendapatkan satu penyelesaian.
 - C. Proses mengulang kaji butiran sesuatu masalah untuk mendapatkan satu penyelesaian.
 - D. Proses mereka bentuk butiran sesuatu masalah untuk mendapatkan satu penyelesaian.
3. Senaraikan 3 teknik dalam penyelesaian masalah.
 1. _____
 2. _____
 3. _____
 4. _____ (4 markah)
4. Dengan menggunakan teknik leraian, leraikan aktiviti membuat sandwich. Leraikan setiap langkah kepada bahagian yang lebih kecil:
 - 1) _____
 - 2) _____
 - 3) _____ (3 markah)
5. Apakah ciri-ciri yang tepat bagi algorithm.
 - I Arahan terperinci
 - II Butiran Jelas
 - III Mempunyai batasan
 - IV Boleh dilaksanakan

A. I, II dan III	C. III dan IV
B. II, III dan IV	D. Semua di atas
6. Struktur kawalan urutan melaksanakan arahan-arahan komputer satu per satu. 3 arahan dalam struktur kawalan urutan adalah.
 - A. Pseudokod, Algorithm dan Hasil
 - B. Pseudokod, algorithm dan carta alir
 - C. Input Interaktif, Umpukan dan Hasil
 - D. Input data, Memproses data dan Output hasil

7. Dalam Teknik pemikiran komputasional, apakah yang dimaksudkan dengan algoritma?
- Satu pelan iaitu satu set langkah arahan untuk menyelesaikan masalah.
 - Menjana penyelesaian masalah yang tepat kepada masalah yang dihadapi.
 - Memecahkan masalah kepada bahagian yang lebih kecil dan terkawal.
 - Mencari persamaan(*similarities*) antara masalah dan dalam masalah.
8. Terdapat dua format perwakilan algoritma, iaitu pseudokod dan carta alir. Apakah yang dimaksudkan dengan pseudokod?

(2 markah)

9. Rajah 1 di bawah adalah struktur kawalan dalam pengaturcaraan bagi



Rajah 1

(1 markah)

Cikgu Ramlah ingin menentukan kelayakkan pelajar masuk ke aliran Sains. Syarat layak masuk ke kelas Sains ialah Matematik dan Sains memperoleh gred A. Mencetak "Anda Layak ke kelas Sains" jika memenuhi syarat dan mencetak "Anda Tidak Layak" jika syarat tidak dipenuhi.

Rajah 2

10. Berdasarkan Rajah 2 di atas, apakah struktur kawalan yang sesuai digunakan oleh pengatur cara bagi menyelesaikan masalah tersebut.

(1 markah)

11. Apakah kelebihan struktur kawalan ulangan?
- Boleh menyahpijat ralat sintaks.
 - Menyediakan pelbagai pilihan kepada pengguna.
 - keupayaan untuk mengulangi satu blok pernyataan.
 - Menghasilkan output yang dikehendaki dengan cepat.

12. Rajah 3 menunjukkan jenis Ralat X.

Ralat X
• Kesalahan tatabahasa seperti salah ejaan dan tatanda • Penggunaan objek atau aksara yang tidak dikenali • Mesej ralat dipaparkan

Rajah 3

Namakan jenis Ralat X itu.

(1 markah)

13. Rajah 4 menunjukkan pseudo kod yang digunakan untuk satu atur cara.

Jika markah > 40	P
Jika tidak	Q
Papar mesej 'LULUS'	R
Mula	S
Tamat	T
Masukkan markah	U
Papar mesej 'GAGAL'	V

Rajah 4

Susun semula pseudo kod itu mengikut urutan yang betul dengan menulis P, Q, R, S, T, U dan V dalam ruang jawapan yang disediakan.

(1 markah)

14. Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Semasa atur cara dilaksanakan nilai sesuatu (a) boleh diubah sedangkan nilai (b) tidak boleh diubah.

(2 markah)

15. Nyatakan simbol-simbol piawai carta alir

SIMBOL	NAMA NOD
	
	
	
	
	
	

Rajah 5

(5 markah)